

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 MEI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
PAUTAN : [:https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972812/sistem-visa-pekerja-mahir-asing-bermula-15-jun-ini](https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972812/sistem-visa-pekerja-mahir-asing-bermula-15-jun-ini)

Sistem visa pekerja mahir asing bermula 15 Jun ini



Putrajaya: Sistem visa pekerja mahir asing bersepadu atau 'Single Window Approach' dijadual bermula pada 15 Jun ini, menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, proses permohonan Pas Penggajian (EP) untuk ekspatriat menerusi 'Single Window Approach' akan dilakukan secara berfasa.

Justeru, katanya, semua pihak berkepentingan terutamanya agensi pelulus dan agensi kawal selia yang terbabit secara langsung dalam pengurusan ekspatriat dikehendaki memperkemas tadbir urus dan proses kelulusan permohonan Pas Penggajian menerusi sistem baharu yang akan dikenali sebagai Xpats Gateway.

"Fasa 1 membabitkan pembangunan Sistem Xpats Gateway oleh pihak TalentCorp. Agensi pelulus dan agensi kawal selia yang telah bersedia menggunakan Xpats Gateway akan dilaksanakan mulai 15 Jun 2023.

"Sementara Fasa 2 membabitkan agensi pelulus dan agensi kawal selia seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) yang mempunyai sistem sedia ada dan memerlukan integrasi melalui Application Programme Interface (API) akan sedia digunakan seawal-lewatnya pada 15 Ogos 2023," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pasca mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, dalam proses permohonan baharu itu, sektor Tier 1, Tier 2, dan sektor yang penting akan diproses dalam tempoh lima hari bekerja.

Beliau berkata, sistem bersepadu yang disertakan dengan pemendekan masa dijangka akan mengurangkan birokrasi yang berkaitan dengan pengambilan bakat asing, di mana pengetahuan dan kemahiran mereka akan memanfaatkan negara.

Katanya, konsep sistem bersepadu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memperbaharui sistem kerajaan supaya lebih mesra pengguna dan dapat menjimatkan masa pemprosesan dalam urusan kerajaan.

"Ia akan memendekkan proses permohonan visa ekspatriat sebelum ini sekitar lebih 80 hari kepada jangkaan kita dalam 20 hingga 22 hari," katanya.